

TERMA & SYARAT

1. Borang Permohonan yang lengkap akan diproses dalam tempoh (7) hari bekerja berserta sesalinan rekabentuk iklan dalam bentuk hardcopy dan softcopy dan diserahkan ke Bahagian Teknologi Maklumat, MDKP.
2. Sekiranya permohonan adalah daripada Agensi kerajaan, tuan/puan hendaklah memastikan borang di cap dengan Cap Rasmi Agensi pemohon bagi mendapatkan harga Agensi Kerajaan.
3. MDKP menerima semua iklan daripada pihak pengiklan kecuali iklan-iklan berikut:
 - Perkara yang diiklankan mengandungi perkara-perkara yang tidak patuh syariah dan terlarang seperti pornografi, dadah, bahan memabukkan, perjudian dan perkara-perkara yang dilarang dalam undang-undang Kerajaan Malaysia.
 - Pengiklanan perkara-perkara penipuan seperti skim cepat kaya atau "Phishing" link bertujuan untuk mendapatkan maklumat peribadi.
 - Pengiklanan yang menggunakan gambar-gambar tidak bermoral atau ayat-ayat yang tidak bermoral seperti menggunakan gambar lucah atau ayat lucah.
 - Pengiklanan yang bertujuan untuk memalukan atau merendah-rendahkan sesuatu pihak lain.
4. MDKP tidak bertanggungjawab atas segala isi atau link yang diberi oleh pihak pengiklan samada dari segi kualiti atau jumlah pelawat / apa-apa kesan yang berlaku atas perniagaan pengiklan.
5. Gambar, Video (Embed Code), teks dan apa-apa iklan disediakan oleh pihak pengiklan sendiri.
6. Tempoh pengiklanan adalah mengikut tempoh dan kadar yang telah dipersetujui bersama dan perlu diperbaharui apabila tamat tempohnya, jika tidak iklan tersebut akan dipadam secara automatik.
7. Pihak pengiklan dibenarkan membuat permohonan untuk mengubahsuai iklannya dalam tempoh pengiklanan.
8. MDKP berhak menolak sesebuah iklan dengan apa jua sebab dan juga berhak menamatkan kontrak pengiklanan sekiranya pihak pengiklan melanggar peraturan syarat-syarat pengiklanan.
9. Pihak pengiklan boleh memilih untuk mengiklankan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris sahaja. Walau bagaimanapun, penggunaan Bahasa Kebangsaan hendaklah diutamakan.
10. MDKP tidak bertanggungjawab terhadap produk/perkhidmatan atau kualiti produk/perkhidmatan yang diberikan oleh pihak pengiklan. Ini termasuk sebarang isu dalam proses penghantaran.
11. Segala syarat di atas adalah benar buat masa ini, walau bagaimanapun MDKP berhak meminda terma dan syarat ini pada masa hadapan tanpa memberi notis terlebih dahulu.
12. Dengan tersiarnya iklan daripada pihak pengiklan di sini, MDKP menganggap pihak pengiklan telah pon bersetuju menerima terma dan syarat ini kerana bayaran sewaan telah pun dibuat.
13. MDKP berhak membatalkan mana-mana iklan.
14. Kadar pengiklanan adalah termasuk bayaran bagi sewa dan pelesenan.
15. Kadar Pengiklanan ini adalah tertakluk kepada budi bicara dan kuasa Yang DiPertua Majlis Daerah Kuala Pilah.